

31 OCT 2003

SAPP ALU-ALUKAN PELANTIKAN ABDULLAH, HARGAI SUMBANGAN DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 31 Okt (Bernama) -- Parti Maju Sabah (SAPP) mengalu-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima dan yakin beliau dapat menerajui negara ke arah era baru yang lebih maju.

"SAPP menyanjung tinggi sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad kerana selama 22 tahun menyandang jawatan perdana menteri, beliau telah mengubah wajah Malaysia dan menempatkan negara ini di pentas dunia daripada segi kepimpinan moral dan kemajuan sebagai negara membangun," kata Setiausaha Agung SAPP Richard Yong dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya Dr Mahathir membuat semua rakyat Malaysia berasa bangga, bermaruah dan mempunyai keyakinan diri.

"Etika kerja serta sikap beliau yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas menjadi inspirasi kepada rakyat Malaysia untuk berusaha ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 yang beliau ilhamkan," katanya.

Dr Mahathir telah memperkukuhkan struktur politik dan ekonomi negara manakala Abdullah pula diyakini akan menjadikan Malaysia lebih maju dan bertenaga, kata Yong.

"Sebagai parti komponen Barisan Nasional, SAPP berharap akan dapat memainkan peranan baru yang lebih bererti di bawah kepimpinan Abdullah bagi memantapkan lagi kedudukan BN," katanya.

-- BERNAMA

JS SP MAI